

Ulasan Buku/*Book Review*

Negara Pasaran dan Pemodenan Malaysia oleh Abdul Rahman Embong (pnyt). 2000. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 680 halaman. Ulasan oleh Abdul Halim Ali.

Sepanjang sejarah, pendapat tentang peranan negara (bermaksud pemerintah) telah beralih dengan dramatiknya. Abad ke-20 ditandai dengan tuntutan supaya negara memainkan dan menambahkan lagi peranan dan tindakannya. Sebaliknya, selama dua dasawarsa lalu, negara terus menerus menghadapi berbagai-bagai desakan baru agar peranannya dikurangkan. Pada ketika sama, negara harus bergelut pula dengan pembauran teknologi, perubahan demografi, keperihatinan tentang persekitaran, globalisasi ekonomi serta keintegrasian pasaran dan gerakan pendemokrasiannya itu sendiri. Lalu, ditanya apakah peranannya yang sebenar pada abad ini? Yang lebih penting lagi, bagaimanakah peranan baharu negara yang dituntut itu dilaksanakan dengan institusi yang sedia ada ataupun haruskah negara memperoleh dayanya daripada kuasa pasar, masyarakat sivil selain daripada negara itu sendiri?

Dalam konteks demikianlah maka terhimpun di dalam buku ini 27 bab yang dibahagikan pula kepada lapan sub-tema dalam bentuk bahagian. Dengan tiga konsep pokok, 'negara', 'pasaran' dan 'pemodenan' itu dijelaskan penyuntingnya dengan amat baik, maka terciptalah satu benang jelujur yang mengaitkan bab-bab tersebut yang sekali imbas kelihan terkeping-keping, lalu menjadikannya satu keseluruhan yang bermakna. Tentu sahajalah ada bab yang mengena langsung dengan tema pokok buku, sementara ada yang miring-miring sahaja.

Enam bab pertama membincarkan peranan negara dan bab-bab 4, 6 dan 7 yang paling memanfaatkan rangka analisis yang disediakan penyunting. Bab 2 berguna untuk mengetahui periodisasi pelaksanaan pembangunan oleh negara, tetapi sebaik-baiknya dihuraikan juga mengapakah terjadi peralihan dari satu period ke period lain. Bab 3 memerihalkan ketidakimbangan yang bertambah mulai 1990-an. Huraian tentang ketidakimbangan demikian, sekalipun tentatif, seharusnya diulas. Bab 4 secara eksplisit menghuraikan perubahan struktur kelas yang tidak pernah terjadi dalam sejarah sosial Malaysia dengan tumpuan kepada pembentukan kelas menengah yang boleh dan patut memainkan peranan 'penafsir' perubahan, tetapi kerana kurang mantapnya pembentukan kelas ini, maka tugas itu kurang menjadi. Dinamika pertumbuhan kelas ini tentunya dapat menghuraikan ketegangan sosial dalam masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Melayu khususnya yang terjadi sekarang.

Mengapakah jurang pendapatan melebar antara 1991 hingga 1995 tidak mudah dijawab. Namun, bab 6 mencuba mengemukakan huraian yang menyakinkan. Sambil mengusulkan supaya pemerintah memainkan peranan mengawal kecenderungan negatif dalam pelaksanaan sistem pasaran, penulis

bab ini mengingatkan supaya tidak diperkecilkan peranan kuasa pasaran itu sendiri. Sesungguhnya, hal ini satu usaha yang payah kerana hadirnya perselisihan mendalam antara logik masyarakat dengan logik ekonomi. Namun, usaha mengimbangi kedua-dua logik itu menjadi pokok pendebatan di Britain dengan ‘Jalan Ketiganya’, sementara di Jerman dengan ‘*Die Neue Mitte*’, kerana semua pihak yakin bahawa kita dalam sistem kapatalisme liberal telah terlontar ke dalam satu kemelut yang memerlukan penyelesaian yang radikal.

Ketika Malaysia bergelut dengan arus perubahan yang silang-menylang, maka kelompok terpinggir menjadi keprihatinan utama. Namun, seperti ditunjukkan dalam bab 7, hal demikian belum terselesai dengan sebaik-baiknya kerana struktur hubungan antara pemerintah dengan golongan terpinggir masih dalam rangka kolonial dan didapati beberapa peraturan, meskipun baru, yang diperkenalkan juga tidak terlepas daripada ketentuan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Hampir semua sistem politik dan demokrasi di dunia kini menghadapi perubahan dengan ketelusan dan ‘mendemokrasikan demokrasi’ itu sendiri menjadi semboyan popular. Akibatnya masyarakat sivil sentiasa terjepit antara bidang awam dengan alam peribadi dan seringkali juga di tengah-tengah gelanggang percaturan antara negara dengan pasaran yang menyebabkan maksud masyarakat sivil menjadi samar-samar. Bahagian II yang mengandungi tiga bab menggambarkan ketidaksesuaian beberapa institusi yang sedia ada dengan arus perubahan sosial yang melanda Malaysia.

Penyediaan sumber manusia yang terdidik dan terlatih, tetapi yang prihatin akan keperluan pasaran dibicarakan dalam bahagian tentang pendidikan dan sumber manusia. Masing-masing penulis mengimbau supaya pemerintah berkecenderungan ke arah negara pelaburan sosial dan agar cita-cita itu tercapai, maka perancangan semula, malah reformasi pendidikan amat diperlukan.

Soal sosialisasi menjadi amat kritikal pada waktu-waktu Malaysia melalui transformasi sosial yang drastik, khususnya transformasi institusi kekeluargaan. Ketiga-tiga bab dalam sub-tema keluarga dan sosialisasi menyangkal pendapat konvensional bahawa pemodenan mengubah sifat keluarga daripada jenis luas kepada jenis nuklear, sedangkan sifat berlawanan kedua-dua jenis keluarga itu tidak kena pada tempatnya dalam masyarakat Melayu. Di Malaysia terdapat konsensus bahawa institusi keluarga harus dilindungi, seperti yang sepatutnya, tetapi para penganalisis sosial harus diingatkan bahawa keluarga tradisional itu asasnya adalah unit ekonomi dan ketidaksamaan antara lelaki dengan perempuan menjadi sifat asasi keluarga jenis tersebut. Begitu juga status anak-anak dalam keluarga tradisional yang tidak secocok dengan kecenderungan transformasi sosial di Malaysia. Hal sedemikian dijangka didebatkan pada waktu-waktu mendatang.

Penyertaan wanita dalam ekonomi dibicarakan pada peringkat makro dan diikuti dengan kajian kes tentang wanita dalam sektor tidak formal. Pola yang memihaki lelaki dihuraikan kerana dikatakan bahawa wanita belum diberikan haknya. Dikatakan juga bahawa konstruksi gender tentang peranan lelaki dan

wanita di Malaysia tidak menguntungkan wanita. Tentang sektor informal pula, perdebatan telah dan sedang berlangsung tentang manfaat kepada pedagang di sektor itu. Debat ini juga dijangka akan terjadi di Malaysia apabila sektor itu terjepit dalam kancan ekonomi moden dan terdapat kecenderungan pedagang tersebut menyertai ‘ekonomi hitam’ atau ‘ekonomi bawah tanah’.

Mengimbang sejarah, tidak pernah terjadi perkembangan dan tuntutan akan persamaan antara lelaki dengan perempuan seperti yang terjadi sekarang, sedangkan hal yang penting untuk mewujudkan demokrasi serta pembangunan ekonomi di negara Dunia Ketiga ialah menerusi pendidikan moden dan persamaan bagi wanita. Di sinilah gelanggang pertarungan antara pendukung fundamentalisme (yang bukan terbatas kepada agama) dengan pendukung kosmopolitanisme, meskipun pada masa ini perselisihan antaranya belum lagi ketara, apalagi meruncing.

Pemodenan dan pemuliharaan tradisi dibicarakan dalam bab 19 tentang amalan makan di pedesaan. Ternyata cara-cara tradisional, termasuk pemakanan berkecenderungan bertahan, malah kadangkala didirikan semula tradisi yang sedia ada, seperti hadirnya semacam simbiosis antara kemodenan dengan tradisi. Simbiosis demikian terjadi juga dalam masyarakat industri, semata-mata kerana umumnya perubahan institusi yang dikaitkan dengan pemodenan itu terbatas kepada institusi-institusi yang bersangkutan dengan pemerintahan dan ekonomi, tetapi kemodenan itu tidak diterapkan ke dalam kehidupan seharian. Tidak menghairankan, terdapat sudut *Feng Shui* di sebuah pejabat yang merangkakan dasar pemodenan bagi salah sebuah negeri di utara Malaysia. Jadi, hubungan antara kemodenan dengan tradisi itu sebenarnya saling bergantung kerana keuntungan tertentu yang diyakini akan diperolehi jika kedua-duanya itu hadir bersama.

Pengurusan emosi, meskipun lintas gender, turut terdampak oleh perubahan sosial, kerana sistem dukungan emosi yang sedia ada tidak mencukupi. Itulah pokok bicara bab 20 tentang kepercayaan budaya mengenai emosi dalam masyarakat Melayu, khususnya pengurusan emosi pesakit kanser payu dara. Sesungguhnya, tragedi pengurusan emosi demikian diburukkan lagi oleh kerjaya perubatan itu sendiri yang gagal memberikan nilai tinggi kepada kespiritualan manusia, kerana umumnya para doktor merawat penyakit dan bukannya manusia.

Masalah sosial sesungguhnya satu konsep yang samar-samar, tetapi biasanya dikaitkan dengan perilaku akibat disorganisasi sosial yang memerlukan perubahan. Namun, masalah sosial juga dikatakan terjadi akibat proses perubahan sosial dan kerananya maka tercetus konflik antara kelompok, dengan satu kelompok menuduh bahawa perilaku kelompok lain itu yang melenceng. Analisis tentang ketertiban pelajar sekolah dalam Bahagian VI dan juga tentang delikuensi, iaitu yang melanggar undang-undang ataupun yang ‘anti-sosial’ sifatnya dibincangkan dalam rangka demikian. Delikuensi dilihat sebagai satu manifestasi transformasi sosial dan pengserasan para remaja dengan keadaan baharu. Kekuatan bab 21 tentang ketertiban pelajar sekolah ialah jumpaan-jumpaan

penelitian itu telah memecahkan satu mitos bahawa salah laku pelajar itu terjadi kerana keadaan rumahtangga, sedangkan tidak didapati oleh penelitian ini hubungan signifikan antara keadaan hubungan mesra dan kawalan ibu bapa di satu pihak dengan ketidaktertiban kanak-kanak sekolah di pihak lain. Keperihatinan bab 23 kepada penyebaran AIDS di Malaysia menunjukkan persamaan dengan negara-negara lain, iaitu tiadanya keterangan yang jelas tentangnya dan kerana itu penerangan tentangnya tidak sejelas yang seharusnya, selain tiadanya dasar negara yang komprehensif tentang wabak itu.

Warga tua dibicarakan dalam dua bab bahagian VII. Yang satu menganalisis demografinya, sementara yang lain mempermasalahkan peralihan tugas menjaga warga ini yang dikatakan timbul kerana pengaruh kuasa pasaran dalam masyarakat. Bahawa perlunya dasar komprehensif negara tentang hal ini jelas dalam kedua-dua bab itu. Mungkin baik sekiranya dibicarakan juga *ageism*, iaitu pendukungan pendapat dan prasangka tentang individu atau kelompok berdasarkan usia. Keterpencilan dan perubahan status golongan ini dikatakan terjadi kerana proses pemodenan dan perindustrian, lalu dikaitnya dengan berkurangnya keluarga luas hingga warga tua tiada dukungan kekeluargaan. Apakah hal ini terjadi kerana berkurangnya keluarga luas ataupun sebenarnya dikaitkan dengan sifat kelas sosial, pertimbangan geografi atau kehulusan budaya tertentu tentang warga tua belum jelas.

Bersama-sama globalisasi bukan sahaja terjadi pengaliran modal, tetapi juga lalu-lintas tenaga kerja dari luar yang amat menguntungkan, tetapi sekaligus menyulitkan. Pengaliran tersebut dihuraikan dengan membincangkan pelaburan negara-negara maju di rantau-rantau lain, termasuk di Malaysia yang menarik tenaga kerja dari negara-negara lain. Sesungguhnya, kedua-dua bab ini dapat dikaitkan dengan bab 11 yang membicarakan tentang pentingnya sistem sumber manusia.

Beberapa kesimpulan yang boleh ditarik daripada 27 bab yang ditulis oleh 21 peneliti Universiti Kebangsaan Malaysia dari Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Fakulti Sains Pembangunan, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti Pengajian Bahasa. Kesemua 27 bab, sekalipun terkeping-keping bentuknya, namun apabila dibicara dalam rangka analisis yang jitu yang disediakan penyunting, maka masing-masing bab membuka ruang debat tentang tiga hal pokok iaitu negara, pasaran dan pemodenan dan secara implisit juga menandakan perlunya wacana tentang masyarakat sivil.

Dalam kesimpangsiuran sosial akibat kepentasan perubahan sosial dan pada ketika sama pula dilanda gelombang globalisasi, maka memahami sifat transformasi masyarakat amat penting untuk ditentukan arah Malaysia menangani gelombang tadi. Buku ini selain membekalkan maklumat tentang transformasi tersebut, juga menyediakan landasan untuk tiap-tiap bahagian dalam buku ini terus menumbuh menurut transformasi yang dialami bahagian-bahagian tersebut.

Berdasarkan rumusan para penulis buku ini, maka penyuntingnya Abdul Rahman Embong mengungkapkan betapa pentingnya peranan negara dalam mengisi nilai-nilai pemodenan, tetapi menurut jenis yang wajar bagi masyarakat Malaysia. Kecenderungan melebarinya jurang ketaksamaan ekoran pengunduran negara, menumbuhnya nilai material dan individualisme egotisme, sekalian ini tanpa intervensi yang wajar oleh negara tentunya menjelaskan pembinaan masyarakat yang diimpikan oleh Wawasan 2020. Bab-bab dalam buku ini menggambarkan pelbagai kuasa sosial yang berjalan serentak, yang kadang-kadang pula arusnya silang menyilang selain adanya arus bawah. Kuasa-kuasa demikian membantu pembaca mengerti lagi bahawa dalam kesimpangsiuran kuasa-kuasa sosial itu sesungguhnya terdapat pola yang boleh ditanggapi.

Abdul Halim Ali
Penyelaras Program Sains Sosial
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

